

## KENYATAAN MEDIA

### TMAX BERJAYA MEMASANG SISTEM PENGURUSAN PANGKALAN DATA TIBERO DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

[KUALA LUMPUR, 06 JANUARI 2023]: Tmax, sebuah syarikat penyelesaian perisian perusahaan global terkemuka, berjaya memasang sistem pengurusan pangkalan data Tiberio di lokasi pelayan (server) alternatif Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Projek ini dipacu dan disokong oleh sistem pengurusan pangkalan data hubungan (RDBMS) iaitu Tiberio dari Tmax yang amat serasi dengan pangkalan data utama di UiTM dan kedua-dua sistem pangkalan data berbeza diselaraskan secara *real time* melalui teknologi replikasi *Change Data Capture (CDC)*. Tiberio membantu UiTM dalam penggunaan sumber yang optimum berkos rendah di samping dapat mempertingkatkan prestasi bagi sistem legasi yang sedia ada.

UiTM, sebuah universiti komprehensif terbesar di Malaysia, menghadapi cabaran dalam mencari penyelesaian yang boleh disesuaikan, boleh diakses dan diselaraskan untuk pangkalan data di lokasi alternatif. Salah satu keperluan utama UiTM ialah mewujudkan pangkalan data di lokasi alternatif serta perlu mempunyai prestasi yang sama dengan pangkalan data utama UiTM. Oleh itu, sekiranya mengguna pakai perisian pangkalan data yang berbeza, penyelesaiannya memerlukan perisian yang serasi, berprestasi tinggi dan menyediakan keselarasan data *real time* untuk memastikan ketepatan dan konsistensi data.

Secara idealnya, Perisian Tiberio memenuhi keperluan tersebut. Pelaksanaan pangkalan data Tiberio mengurangkan jumlah pelaburan kos UiTM sebanyak 70 peratus daripada aspek *Capex* (kos lesen) dan *Opex* (kos penyelenggaraan), tanpa menjejaskan prestasi, produktiviti dan kebolehpercayaan. UiTM juga akan dapat menggunakan sepenuhnya ciri-ciri yang terdapat dalam perisian Tiberio tanpa sebarang kos tambahan. Akhirnya, UiTM juga boleh meningkatkan persekitaran perlindungan datanya pada kos yang minimum.

Tiberio juga mempunyai keupayaan untuk menampung beban kerja yang kritikal dengan prestasi tinggi serta mempunyai ciri-ciri pangkalan data kelas terbaik seperti *Tiberio Active Cluster (TAC)*, *Tiberio Standby Cluster (TSC)* dan *Tiberio Active Storage (TAS)*. Oleh itu, Tiberio menjadi pangkalan data pilihan untuk projek ini, kerana ia mudah dinavigasi, menyediakan keserasian aplikasi tanpa pengubahsuaian yang besar, dan *multi-threaded* untuk memaksimumkan prestasi.

Tmax baru-baru ini telah melancarkan Tiberio 7 di pasaran dengan fungsi baharu yang dipertingkatkan. Pelbagai inovasi telah ditambah untuk mencerminkan permintaan pasaran dengan kaedah pembangunan aplikasi baharu. Fungsi yang baru ditambah termasuk TSC untuk *high availability* dan pengurusan operasi, 'Stor Lajur Dalam Memori' untuk analisis data berprestasi tinggi, dan 'Fine Grain Auditing' untuk mengukuhkan kawalan akses dan rekod.

Menurut Penolong Naib Canselor (Infostruktur) UiTM, Profesor Madya Ir. Dr Juliana Johari, pelaksanaan Tiberio meningkatkan imej universiti dan mempercepatkan lagi transformasi digitalnya melalui peningkatan kualiti perkhidmatan IT yang disediakan.

Dr. Juliana berkata, “UiTM amat berpuas hati dengan projek ini kerana penyelesaian pangkalan data lokasi alternatif akan menjimatkan kos. Migrasi ke Tiberio dari sistem pangkalan data utama universiti sedia ada telah berjaya dilaksanakan dan berjalan lancar dengan sokongan daripada Tmax dan rakan kongsi. Kesemua data dapat diselaraskan dalam *real time* di persekitaran pangkalan data yang berbeza.”

Pengarah Urusan SEA-ANZ Tmax Singapore Pte Ltd, Encik David Kim berkata bahawa projek itu merupakan satu kejayaan untuk Tiberio selaras dengan *best practices* dalam sektor pendidikan di seluruh negara.

Beliau seterusnya menambah, “Pasaran ASEAN, termasuk Malaysia, adalah sangat penting untuk perniagaan Tmax di peringkat global. Kami sangat gembira dapat memberikan penyelesaian hebat kepada UiTM yang membantu mereka menyelesaikan cabaran yang mereka hadapi dalam sistem IT.”

Ditubuhkan di Korea Selatan, Tmax ialah inovator perisian global yang memfokuskan pada rangkaian awan, infrastruktur dan pemodenan sistem legasi, yang menyediakan penyelesaian perisian lengkap untuk membantu pelanggan mengurus dan memanfaatkan sepenuhnya data kritikal dengan cekap. Tmax secara aktif merintis dalam pasaran tempatan dan luar negara dengan teknologi perisian dan kepakarannya yang cemerlang. Berpusat di Amerika Syarikat sebagai ibu pejabat globalnya, Tmax telah mengembangkan perniagaannya ke negara-negara di rantau Amerika, Eropah, Timur Tengah, Afrika dan Asia Pasifik.

#####

## **Mengenai UiTM**

[Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#) ialah universiti komprehensif terbesar di Malaysia yang menyediakan pendidikan inovatif dengan infrastruktur dan teknologi terkini yang merangkumi 34 kampus, 4 kolej pengajian, 13 fakulti dan 9 pusat akademik di seluruh negara.

UiTM menawarkan lebih daripada 500 program akademik di peringkat Asasi, Pra diploma, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan PhD, serta Program Profesional. UiTM sentiasa meluaskan akses pendidikan tinggi dan memainkan peranannya dalam pembinaan negara dengan menyerlahkan potensi, membentuk masa hadapan.

Antara pencapaian terhebat, UiTM berada pada kedudukan ke-105 dalam QS Asia University Rankings 2022, berada pada kedudukan 651-700 dalam QS World University Rankings 2022, serta berada pada kedudukan 361-380 dalam QS World University Rankings: Sustainability 2023 dan ke-4 di Malaysia. Subjek Hospitality and Leisure Management pernah berada pada kedudukan ke-42 terbaik di dunia daripada 14 subjek UiTM lain yang tersenarai dalam penarafan QS World University Rankings by Subject. UiTM turut berada pada kedudukan 101-200 dalam penarafan Times Higher Education Impact Rankings 2022 dan menerima anugerah 3G SDGs Championship Award 2022. Pada Jun 2022, UiTM dipilih sebagai penerima Reader's Digest Trusted Brand Gold Award 2022 kali ke-12 bagi kategori Universiti Awam dan untuk pertama kalinya menerima anugerah The BrandLaureate BestBrands Awards 2022 – The Nation's Pride Higher Education. UiTM berada pada kedudukan ke-128 dalam penarafan UI GreenMetric (UIGM) World University Rankings 2021 dan telah memenangi pingat emas bagi kategori Iklan Kreatif Terbaik pada peringkat antarabangsa dalam QS APPLE Creative Awards 2020 .

Dengan lebih daripada 900,000 alumni dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan, UiTM menawarkan peluang dalam membentuk pemimpin pada peringkat kebangsaan, industri dan global bagi mencapai aspirasi untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia menjelang tahun 2025.

## **PERTANYAAN MEDIA**

### **Pengarah Kanan**

Jabatan Komunikasi

Universiti Teknologi MARA

Emel: [bkk@uitm.edu.my](mailto:bkk@uitm.edu.my)

Tel: +603 5544 2022